



**UniSHAMS**

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Dahulu dikenali sebagai Kolej Universiti INSANIAH  
Universiti Milik Penuh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SSK Inc.)

## IKLAN JAWATAN KOSONG JURUAUDIT

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) milik penuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman ingin mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan seperti yang berikut:

<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	Pengurusan dan Profesional
<b>Skim Perkhidmatan</b>	Juruaudit
<b>Jawatan</b>	Juruaudit
<b>Gred Jawatan</b>	W41
<b>Skala Gaji</b>	RM2,094.00 (Minimum) – RM9,585.00 (Maksimum)
<b>Tempoh Lantikan</b>	Dua (2) Tahun
<b>Taraf Lantikan</b>	Kontrak



### SYARAT PERMOHONAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - i. Warganegara Malaysia.
  - ii. Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - iii. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - iv. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai:
    - a) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan ; atau
    - b) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia atau *Auditing and Assurance Standards Board* (AASB); dan
    - c) Sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun pengalaman** bekerja di dalam bidang audit, kewangan, atau perakaunan.
- 2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



## SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan audit dalaman untuk memastikan ketepatan kewangan dan aspek lain serta pematuhan kepada dasar dan prosedur yang digunakan. Selain itu, juruaudit juga perlu menganalisis rekod kewangan, melaporkan penemuan audit, dan mencadangkan penambahbaikan untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus di universiti.



## KAEDAH PERMOHONAN

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan permohonan secara atas talian (*online*) di laman web <https://erekrut.unishams.edu.my/home.php> dan muat naik dokumen-dokumen berkaitan yang disahkan benar pada pautan **Google Form** yang dinyatakan di dalam laman sesawang tersebut.

## UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI URUSETIA

Cik Siti Nor'Aishah Nasiha binti Abidin  
Unit Perjawatan, Bahagian Sumber Manusia,  
Pejabat Pendaftar  
E-mel: [unitperjawatan@unishams.edu.my](mailto:unitperjawatan@unishams.edu.my) | No. Telefon: 04-4491057



## TARIKH TUTUP PERMOHONAN

**25 Januari 2025**